

|            |                                     |             |                     |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline   | Tabung Haji umum bonus 82.5 peratus |             |                     |
| MediaTitle | Kosmo                               |             |                     |
| Date       | 23 Jan 2015                         | Color       | Full Color          |
| Section    | Negara                              | Circulation | 218,251             |
| Page No    | 9                                   | Readership  | 654,753             |
| Language   | Malay                               | ArticleSize | 307 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | KHADIJAH MOHAMAD NOR                | AdValue     | RM 3,936            |
| Frequency  | Daily                               | PR Value    | RM 11,808           |



# Tabung Haji umum bonus 8.25 peratus

Pembayaran RM3.2 bilion kepada 8.6 juta pendeposit tertinggi sejak 51 tahun

Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR

**KUALA LUMPUR** – Lembaga Tabung Haji (TH) mengumumkan pembayaran bonus kepada 8.6 juta pendepositanya dengan jumlah RM3.2 bilion iaitu yang tertinggi sejak penubuhannya 51 tahun lalu.

Bonus bagi tahun kewangan 2014 itu merangkumi bonus tahunan sebanyak 6.25 peratus dan tambahan bonus haji sebanyak 2.0 peratus.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pembayaran kedua-dua bonus tersebut mencatat peningkatan sebanyak 23 peratus berbanding RM2.6 bilion pada tahun 2013.

Beliau berkata, peningkatan pembayaran bonus ini berjaya dilakukan kerana TH mencatatkan

keuntungan bersih selepas zakat pada 2014 berjumlah RM3.3 bilion iaitu yang tertinggi sejak penubuhan institusi tersebut pada 1963.

“Tahun 2014 merupakan tahun yang sukar bagi negara ekoran beberapa tragedi melibatkan pesawat penerbangan selain bencana banjir. Kita menjangkakan tahun 2015 akan lebih mencabar.

“Oleh sebab itu, para pendeposit perlu sedar hibah (bonus) atau hadiah yang diberi oleh TH tidak boleh kekal dengan kadar meningkat kerana ia bergantung kepada kemampuan kewangan tahunan dari semasa ke semasa,” ujarnya ketika berucap pada majlis pengumuman bonus tersebut di sini semalam.

Di sebalik cabaran itu, Jamil Khir berkata, TH bertuah kerana masih dapat menjana pulangan yang baik hasil pelaburan berhemah dan bertanggungjawab dalam pelbagai sektor industri dan aktiviti pelaburan patuh syariahnya.

“Kadar bonus tahunan TH adalah kompetitif memandangkan profil pelaburan TH terhadap kepada pelaburan berlandaskan syariah manakala tabungan di TH dilakukan secara sukarela dan tiada had.

“TH sentiasa merangka pelbagai pelan perniagaan jangka pendek dan panjang bagi memastikan penjanaan pulangan yang mapan untuk meningkatkan ekonomi umat Islam dan negara,” katanya.

TH kini mempunyai seramai 8.6 juta akaun pendeposit aktif dengan lapan juta atau 93 peratus daripadanya adalah akaun pendeposit yang masih belum menunaikan haji.

Pendeposit boleh menyemak pengkreditan bonus mereka melalui kaunter TH dan mesin pengeluaran wang automatik di bank-bank rakan strategik TH mulai 26 Januari ini.

## INFO Bonus Tabung Haji

### Bayaran Bonus TH 2006-2014

| TAHUN | PERATUS |
|-------|---------|
| 2006  | 4.75    |
| 2007  | 7       |
| 2008  | 5       |
| 2009  | 5       |
| 2010  | 5.5     |
| 2011  | 6       |
| 2012  | 8       |
| 2013  | 8       |
| 2014  | 8.25    |



JAMIL KHIR (dua dari kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif TH, Tan Sri Ismee Ismail (kanan) serta Ahli Lembaga Pengarah TH menunjukkan tanda bagus selepas mengumumkan kadar bonus TH 2014 di Kuala Lumpur semalam.